



SIARAN SERTA MERTA
MOTAC.100-2/1/18 JLD4 (11)

KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

SIARAN MEDIA

ECOTRAIL® PUTRAJAYA: A GREEN RACE FROM EUROPE TO MALAYSIA

29 Julai 2023 – ECOTRAIL® PUTRAJAYA: A GREEN RACE FROM EUROPE TO MALAYSIA merupakan acara perlumbaan larian denai terbesar yang unik dan telah berjaya dalam penganjurannya sejak penciptaan acara ini yang menggabungkan pelancongan sukan, pembangunan mampan dan tanggungjawab terhadap alam semulajadi. Lokasi perlumbaan dipilih berhampiran dengan bandar-bandar utama dan pinggir bandar seperti di Wilayah Persekutuan Putrajaya. Objektif *Ecotrail* adalah gabungan perlumbaan larian sihat di samping memberi peluang kepada para peserta untuk mendekatkan diri dengan warisan semula jadi dan budaya sesebuah bandar.

Pemilihan Wilayah Persekutuan Putrajaya sebagai lokasi penganjuran acara tersebut adalah kerana Putrajaya merupakan bandar ultra-modern yang masih dikelilingi dengan taman-taman alam semulajadi di samping mampu memberi peluang kepada para peserta untuk melihat Putrajaya dari pelbagai sudut dan perspektif. Ini memberi peluang untuk Putrajaya menonjolkan kelebihan dan

keindahannya dan seterusnya mempromosikan lokasi ini sebagai lokasi pelancongan yang menarik untuk dikunjungi.

Selain itu, sehingga bulan Mac 2023, jumlah tetamu yang menginap di hotel sekitar Putrajaya adalah sebanyak 148,437 orang, berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 2022, jumlahnya telah meningkat sebanyak 157.3%.

Perlumbaan *EcoTrail®* telah mula diperkenalkan dan diadakan di bandar Paris, Brussels, Reykjavik, Oslo, Funchal-Madeira Island, Madrid, Geneva, Florence, Stockholm, Copenhagen, Oslo, Putrajaya dan Chiang Mai. Pada tahun 2023, *EcoTrail®* akan diadakan di Putrajaya (Malaysia) pada 29 Julai, Wicklow (Ireland) pada 30 September, Funchal - Madeira Island pada 21 Oktober dan Valencia (Spain) pada 29 Oktober 2023.

EcoTrail® Putrajaya telah mula memasuki Asia pada tahun 2019 dengan penganjuran pertamanya telah dianjurkan oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC), Perbadanan Putrajaya (PPj) dan syarikat Ten Senses (M) Sdn. Bhd. Perlumbaan ini akan melibatkan larian sejauh 10km, 30km, 50km dan 80km. Melalui penganjuran acara *Ecotrail® Putrajaya* pada tahun 2019, seramai 900 peserta telah menyertai acara tersebut termasuklah penyertaan daripada peserta antarabangsa. Edisi kedua penganjuran *EcoTrail® Putrajaya 2023* telah menyaksikan penyertaan seramai 1,300 peserta dengan 200 penyertaan dari negara Belanda, Amerika Syarikat (expat), Singapura, China, Filipina, Thailand, Jepun, Indonesia dan lain-lain lagi.

Setiap peserta yang mengikuti penyertaan *EcoTrail® Putrajaya* ini akan menerima baju, bib perlumbaan dengan cip masa, pingat, sijil elektronik dan snek ringan. Para peserta yang berjaya menamatkan larian dalam masa terpantas layak menerima hadiah berupa *finisher tee*, pingat, baucar tunai, trofi, *hamper* dan banyak lagi hadiah sumbangan pihak penaja seperti Decathlon, GARMIN, Silva, Domino's Pizza, Heat Tone Nona Roguy dan lain-lain penaja.

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat

KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA (MOTAC)

Tel: 03-8000 8000 Fax: 03-88917181

Website: www.motac.gov.my Email: info@motac.gov.my

Facebook, Instagram & Twitter: @mymotac



FOR IMMEDIATE RELEASE
MOTAC.100-2/1/18 JLD4 (11)

MINISTRY OF TOURISM, ARTS AND CULTURE

PRESS RELEASE

ECOTRAIL® PUTRAJAYA: A GREEN RACE FROM EUROPE TO MALAYSIA

29th July 2023 - ECOTRAIL® PUTRAJAYA: A GREEN RACE FROM EUROPE TO MALAYSIA is a unique concept of mass event that has managed, since its creation, to combine sporting feats with sustainable development discipline and eco-responsibility. The race course is set close to major cities and their suburbs. The objective of Ecotrail is a “clean race” that provide the opportunity to the participants to engage with the natural and cultural heritage of the urban territories.

The selection of the Federal Territory of Putrajaya as the venue for the event is because Putrajaya is an ultra-modern city that is still surrounded by natural parks and is able to give participants the opportunity to see Putrajaya from various angles and perspectives. This provides an opportunity for Putrajaya to highlight its advantages and beauty and further promote this location as an attractive tourist location to visit.

In addition, until March 2023, the number of guests staying at hotels around Putrajaya was 148,437 people, compared to the same period in 2022, the number has increased by 157.3%.

EcoTrail® has already been held in Paris, Brussels, Reykjavik, Oslo, Funchal-Madeira Island, Madrid, Geneva, Florence, Stockholm, Copenhagen, Oslo, Putrajaya and Chiang Mai. This year, EcoTrail® will be held in Putrajaya (Malaysia) on July 29th, Wicklow (Ireland) on September 30th, Funchal - Madeira Island on October 21st and Valencia (Spain) on October 29th.

EcoTrail® Putrajaya is the first event held outside of Europe and in Asia in year 2019 organized by Ministry of Tourism, Arts and Culture (MOTAC), Putrajaya Corporations (PPj) and Ten Senses (M) Sdn. Bhd. There are four categories of nature race; 10km, 30km, 50km and 80km trails. Besides, the first edition of EcoTrail® Putrajaya has garnered 900 participants. The 2nd Edition of EcoTrail® Putrajaya 2023 has registered to almost 1,300 participants including 200 international participants from Belgium, USA (expatriate), Singapore, China, Philippines, Thailand, Japan, Indonesia and other countries.

Every participants are entitled to received event tee, race bib with timing chip, finisher medal (finish within cut off time) and finisher tee (finish within cut off time) for 30km, 50km and 80km, e-certificate and refreshment food. Top five fastest runner reaching finishing line of each category will be announced as winners thus receive medal, finisher tee, cash voucher, trophy and many more items sponsored by Decathlon, GARMIN, Silva, Domino's Pizza, Heat Tone Nona Roguy and other sponsors.

Corporate Communications Unit
MINISTRY OF TOURISM, ARTS AND CULTURE (MOTAC)
Tel: 03-8000 8000 Fax: 03-88917181
Website: www.motac.gov.my Email: info@motac.gov.my
Facebook, Instagram & Twitter: @mymotac